

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
KAWASAN : PADANG SERAI

SOALAN NO. 186

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan wajarnya tol di lebuh raya Kulim-Butterworth perlu dimansuhkan. Ini kerana majoriti pengguna lebuh raya tersebut terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah yang menggunakan lebuh raya tersebut untuk berulang alik dari tempat kerja ke rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang keputusan untuk menghapuskan tol di sesebuah lebuh raya memerlukan kajian terperinci dalam pelbagai aspek kerana ianya melibatkan perjanjian konsesi dan akan mengakibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk mengurangkan bebanan pengguna di Lebuh Raya Butterworth-Kulim (BKE) ini dengan menurunkan kadar tol di lebuh raya tersebut pada kadar tol 18 peratus bagi kenderaan kelas 1, kelas 4 (teksi) dan kelas 5 (bas) berkuatkuasa pada 1 Februari 2020. Dengan penurunan kadar tol ini, Kerajaan terpaksa menanggung bayaran jumlah pampasan yang tinggi.

Berdasarkan Perjanjian Konsesi, kadar tol bagi kenderaan kelas 1 pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1.80 di Plaza Tol Kubang Semang dan Plaza Tol Lunas. Walau bagaimanapun, kadar tol ini tidak dinaikkan semenjak tahun 2016 dan ianya kekal sehingga 31 Januari 2020 dengan kadar RM1.60. Namun setelah pengurangan kadar tol ini, pengguna hanya perlu membayar sebanyak RM1.31 sahaja apabila melalui lebuh raya ini dan dengan kadar tol yang sama sehingga tamat tempoh konsesi.

Kerajaan pada masa ini sedang meneliti opsyen-opsyen yang terbaik bagi menentukan halatuju industri lebuh raya bertol di Malaysia bagi mewujudkan situasi menang-menang di kalangan semua pemegang taruh.

Sekian, terima kasih.